

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE

TARIKH : 19 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9294

SOALAN:

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan bilangan mesin slot judi haram yang dirampas oleh pasukan polis setiap tahun sejak tahun 2011.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri (KDN) melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM), sentiasa berusaha keras untuk membanteras sebarang bentuk aktiviti perjudian haram dalam negara sehingga ke akar umbi. Walaupun operasi bagi melumpuhkan kegiatan perjudian dilakukan secara besar-besaran dan berterusan, namun aktiviti perjudian haram ini dilihat terus aktif disebabkan keuntungan yang diperolehi amat besar dan mudah yang mendorong sindiket-sindiket perjudian menggunakan pelbagai *Modus Operandi* untuk terus beroperasi dan mengelirukan pihak berkuasa. Antara *Modus Operandi* baharu yang dikesan seperti berselindung di sebalik perniagaan yang sah atas nama Pusat Hiburan Keluarga (PHK), mengubah lokasi daripada pusat komersil ke kondominium dan beroperasi di pinggir bandar dan kawasan pedalaman serta menggunakan media elektronik dengan menyebarkan *Short Message Service (SMS)* atau melalui website bagi mencari pelanggan baharu.

Statistik rampasan mesin judi di seluruh negara pada tahun 2011 adalah sebanyak 99,257 unit, tahun 2012 sebanyak 134,817 unit, tahun 2013 sebanyak 90,114 unit, tahun 2014 sebanyak 148,981 unit, tahun 2015 sebanyak 96,593 unit dan tahun 2016 sehingga September sebanyak 188,274 unit.